

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

NO. SOALAN : 27

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sejauh manakah pelabur-pelabur yang berminat membangunkan kawasan pertanian yang terbiar di kawasan KEJORA (Bandar Tenggara) diberi perhatian khusus untuk dibangunkan kepada kawasan hartanah serta industri dan sekiranya ada kenapa dan apakah halangannya.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini tiada kawasan pertanian terbiar di Bandar Tenggara. Terdapat 36 pengusaha yang aktif menjalankan pembangunan projek-projek pertanian dengan keluasan 1,205 ekar di Kawasan Tanaman Campuran Pengeli Kecil, Bandar Tenggara.

Hampir 26% daripada kawasan Bandar Tenggara diperuntukkan untuk pembangunan industri sebagai salah satu usaha untuk menyediakan peluang pekerjaan dan menarik migrasi masuk ke dalam Bandar Tenggara. Walau bagaimanapun, sehingga kini hanya 9% sahaja yang telah dibangunkan.

Kesukaran menarik pelabur khususnya di dalam sektor perindustrian sebahagian besarnya dipengaruhi oleh tahap aksesibiliti Bandar Tenggara yang agak kurang baik kerana kedudukan geografinya yang terpisah dengan kawasan arus pembangunan yang pesat. Faktor logistik yang menjadi pertimbangan para pelabur industri menyebabkan Bandar Tenggara sukar bersaing dengan kawasan-kawasan perindustrian lain seperti Senai dan Kulai.

Pada masa kini, terdapat tiga (3) pelabur berminat untuk membangunkan tanah seluas 176.671 ekar bagi tujuan pembangunan industri di Bandar Tenggara dan dalam proses kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Selain itu, terdapat dua (2) projek penswastaan KEJORA seluas 352 ekar yang bermula pada tahun 1990-an bagi pembangunan bercampur (perumahan dan komersial) di Bandar Tenggara sedia ada menghadapi masalah untuk menjual unit-unit yang telah disiapkan disebabkan oleh kuasa membeli yang rendah di kawasan sekitar Bandar Tenggara. Sehubungan dengan itu, perancangan pembangunan pihak syarikat telah beberapa kali dirombak bagi meminimumkan kerugian di pihak syarikat dan mengelakkan peningkatan jumlah unit tidak terjual.